

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,
Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini adalah direka untuk memberikan anda beberapa maklumat penting tentang Insurans Haiwan Peliharaan Oyen anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ianya berguna; anda juga patut membacanya.

Tarikh: 01/01/2026

1. Apakah Insurans Haiwan Peliharaan Oyen?

Insurans Haiwan Peliharaan Oyen menyediakan faedah menyeluruh untuk melindungi kucing dan anjing anda. Perlindungan termasuk kos rawatan bagi penyakit atau kecederaan, pengebumian atau pembakaran dan liabiliti pihak ketiga.

2. Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, untuk premium RM 496.00 untuk kucing dan RM 750.00 untuk anjing (sebelum Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem), haiwan peliharaan anda akan menerima perlindungan insurans berikut:

Polisi/sijil ini meliputi:	Polisi/sijil ini tidak termasuk:
• Bayaran Veterinar dan Bayaran Pembedahan - RM5,000 • Kos Pengebumian atau Pembakaran - RM500 • Liabiliti Pihak Ketiga ➢ Untuk Kucing - RM10,000 (ekses RM1,000) ➢ Untuk Anjing - RM30,000 (ekses RM1,000) • Diskaun Tanpa Tuntutan - sehingga 15% (hanya untuk polisi pembayaran premium tahunan sahaja)	• Peperangan atau risiko yang seumpamanya • Pengionan, radiasi atau pencemaran daripada radioaktif • Penyakit sedia ada. • Sebarang penyakit yang berlaku semasa tempoh menunggu. • Sebarang tuntutan yang membabitkan haiwan peliharaan anda yang tidak boleh dikenal pasti secara tetap dan positif melalui mikrocip. • Kehamilan, kelahiran atau pembiakan dan apa-apa komplikasi daripadanya. • Keadaan kongenital, keadaan keturunan, latihan atau terapi untuk penyakit tingkah laku. • Pemindahan organ, implan pembedahan, alat bantuan dan prostetik. • Rawatan rutin dan berbentuk pencegahan. • Haiwan peliharaan yang tergolong di bawah baka yang dilarang atau dikenakan sekatan • Kemalangan yang berkaitan dengan penggunaan haiwan peliharaan anda untuk tujuan komersial, pekerjaan, profesional atau perniagaan.

Tempoh perlindungan insurans ialah 12 bulan. Anda perlu memperbaharui polisi/sijil anda setiap tahun.

Anda harus merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Risalah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi MSIG Insurance (Malaysia) Bhd atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai Insurans Haiwan Peliharaan Oyen anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1-800-88-MSIG (6744)
atau 603-2050-8228



Kunjungi kami di:
<https://www.msig.com.my/>



Email kami di:
myMSIG@my.msig-asia.com

3. Ketahui Kewajipan Anda

Untuk Insurans Haiwan Peliharaan Oyen, anda mesti membayar premium sebanyak:		
Perlindungan Standard [Kategori 1, umur 3 tahun]	: (Plan 2 - Kucing) RM496.00 (setiap tahun)	(Plan 2 - Anjing) RM750.00 (setiap tahun)
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:		
Duti Setem	: RM10.00	RM10.00
Komisen (25%) jika berkenaan	: RM124.00 (Termasuk dalam premium)	RM187.50 (Termasuk dalam premium)
Cukai Perkhidmatan (8%)	: RM39.68	RM60.00
Jumlah premium yang perlu dibayar	: RM545.68	RM820.00

4. Syarat dan Terma Lain

- Anda mesti memberikan maklumat yang lengkap dan tepat dalam borang permohonan/cadangan.
- Anda mesti mendedahkan semua fakta material haiwan peliharaan anda seperti baka dan sejarah perubatan.
- Kelayakan :
 - Pemohon (Pemilik Haiwan Peliharaan) - Anda mestilah berumur 18 tahun ke atas dan pemilik haiwan peliharaan tersebut. Haiwan peliharaan anda mesti tinggal secara tetap bersama anda dan bukan haiwan peliharaan yang digunakan untuk bekerja.
 - Umur Haiwan Peliharaan - Haiwan peliharaan anda (kucing dan anjing) mestilah berumur antara 12 minggu hingga 10 tahun pada tarikh permohonan.
 - Anjing - Anjing anda mesti dipasang mikrochip, berlesen dengan sah, dan bukan daripada baka yang diharamkan atau dihadkan oleh Kerajaan, Awam atau Pihak Berkuasa Tempatan. Jika baka anjing anda ialah Doberman, German Shepherd/Alsatian atau Rottweiler (dikategorikan sebagai baka terhad), kami mungkin melindungi anjing anda dengan syarat:
 - a) anjing tersebut berumur tidak kurang daripada tiga (3) bulan pada masa diimport;
 - b) anjing tersebut mempunyai sijil silsilah (pedigree) yang dikeluarkan oleh organisasi yang diluluskan dari negara asal (dengan nama dan alamat organisasi);
 - c) anjing tersebut boleh dikenal pasti menggunakan mikrochip yang mematuhi piawaian ISO (Std 11784 dan 11785) dengan kod pengenalan direkodkan dalam sijil silsilah; dan
 - d) anjing tersebut telah menjalani program "Canine Good Citizen".Baka terhad lain yang tidak dinyatakan di atas tidak dilindungi.
 - Kucing - Kucing anda mesti dipasang mikrochip, jika tidak, perlu menyediakan sijil kad perubatan daripada doktor haiwan berdaftar dengan butiran haiwan peliharaan dan pemiliknya.
- Yuran veterinar dan pembedahan yang layak untuk kecederaan atau penyakit haiwan peliharaan tertakluk kepada pembayaran bersama sebanyak 10%. Pilihan pembayaran bersama yang lebih tinggi tersedia untuk penjimatan premium anda.
- Tunai sebelum perlindungan - Perlindungan bermula hanya selepas anda membayar premium.
- Tempoh semakan percuma - Kami akan membayar balik premium yang telah dibayar jika anda membatalkan polisi anda dalam tempoh 15 hari pertama selepas menerima polisi dan tidak membuat sebarang tuntutan.
- Umur pembaharuan - Polisi ini boleh diperbaharui sehingga haiwan peliharaan anda berumur 13 tahun.
- Premium dan terma pembaharuan mungkin berbeza-beza bergantung pada sejarah tuntutan anda dan keperluan pengunderaitan kami.
- Notis Tuntutan - Anda mesti memaklumkan dan memberikan butiran tuntutan penuh kepada kami dalam tempoh 7 hari selepas mengalami sebarang kemalangan, kehilangan atau kerosakan.

Senarai ini **tidak lengkap**. Anda harus merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

5. Bolehkah saya membatalkan polisi/sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi/sijil anda pada bila-bila masa dengan memaklumkan kami secara bertulis. Kami akan membayar balik premium anda selepas ditolak amaun bagi tempoh haiwan peliharaan anda telah diinsuranskan. Jika anda telah membuat tuntutan, tiada bayaran balik akan diberikan. Tiada bayaran balik premium dibenarkan sekiranya premium anda dibayar secara ansuran.

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd ialah syarikat insurans am yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.